



MEMO DALAMAN

INSTITUT PENDIDIKAN GURU
KAMPUS PENDIDIKAN TEKNIK
KOMPLEKS PENDIDIKAN NILAI
BANDAR ENSTEK, NEGERI SEMBILAN

NO. TELEFON : 06-7979600

NO. FAX : 06-7979699

| | |
|----------|--|
| KEPADA | SEMUA PEGAWAI DAN KAKITANGAN INSTITUT PENDIDIKAN GURU, KAMPUS PENDIDIKAN TEKNIK |
| DARIPADA | PENGARAH |
| NO. FAIL | MPT/144/0/0/131 (2) |
| TARIKH | 9 JUN 2017 |
| PERKARA | PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG LALULINTAS DI IPG KAMPUS PENDIDIKAN TEKNIK |

Tuan/puan,

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan, IPG Kampus Pendidikan Teknik telah mewujudkan kaedah-kaedah lalulintas jalan di dalam kawasan bagi semua pengguna jalan raya di dalam kawasan kampus. Tuan/puan diminta untuk mematuhi arahan-arahan lalulintas yang akan **dikuatkuasakan mulai 12 Jun 2017**. Sekiranya pihak tuan/puan gagal mematuhi arahan lalulintas ini, **setiap kesalahan** yang dilakukan akan dikenakan **kompaun RM30.00**.

3. Sehubungan dengan itu, kerjasama tuan/puan diminta agar dapat mematuhi arahan ini bagi mengelakkan kompaun dikenakan ke atas tuan/puan. Bersama-sama ini disertakan satu salinan Kaedah-kaedah Lalulintas Jalan IPG Kampus Pendidikan Teknik dan kesalahan-kesalahan lalulintas untuk makluman tuan/puan.

4. Kerjasama dan perhatian tuan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Saya yang menurut perintah,

(Dr. MOHAMAD NOR BIN MOHAMAD TAIB)